

MAJLIS MENANDATANGANI MEMORANDUM PERSEFAHAMAN (MOU) ANTARA UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS (UPSI) DENGAN INSTITUT TANAH DAN UKUR NEGARA (INSTUN)

Pada 15 Mei 2015
Di Bilik Mesyuarat Utama, Bangunan Canselori, UPSI

1.0 PENDAHULUAN

Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MOU) antara UPSI dengan INSTUN telah diadakan pada 3.00 petang, 15 Mei 2015 (Jumaat), bertempat di Bilik Mesyuarat Utama Canselori, Kampus Sultan Azlan Shah, Tanjong Malim. Majlis ini dikendalikan oleh Jabatan Geografi dan Alam Sekitar, Fakulti Sains Kemanusiaan, UPSI.

Majlis yang ringkas tetapi penuh bermakna ini disempurnakan oleh Y.Bhg Prof. Dato' Dr. Zakaria Kasa, Naib Canselor UPSI dan Y.Bhg Tuan Mohd 'Ashraf bin Mohd Noor, Pengarah INSTUN serta disaksikan oleh Pendaftar masing-masing. Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar turut diwakili oleh Encik Mohd Sharif bin Mohamad Yaakob, Setiausaha Bahagian, Bahagian Pentadbiran dan Kewangan serta Encik Azizul Kamaredzuan bin Azizul Akimi, Ketua Penolong Setiausaha, Bahagian Tanah, Ukur dan Pemetaan untuk menyaksikan saat bersejarah ini.



Gambar : Pegawai-pegawai kanan daripada kedua-dua pihak yang menandatangani MOU telah menghadiri majlis tersebut.



Gambar : Pengarah INSTUN mengalu-alukan kehadiran wakil-wakil NRE di lobi utama Bangunan Canselori UPSI



Gambar : Pegawai-pegawai kanan daripada INSTUN dan wakil-wakil NRE bersama Pegawai UPSI

2.0 ATURCARA PROGRAM

Aturcara program telah dibincangkan dan dipersetujui bersama UPSI dan INSTUN dua minggu sebelum majlis berlangsung, tentatifnya seperti berikut:

ATURCARA	
MAJLIS MENANDATANGANI MEMORANDUM PERSEFAHAMAN ANTARA UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS DENGAN INSTITUT TANAH DAN UKUR NEGARA	
	Tarikh 15 Mei 2015 (Jumaat)/ 26 Rejab 1436H
	Tempat Bilik Mesyuarat Utama, Bangunan Canselori Kampus Sultan Abdul Jalil Shah, UPSI
3.00 ptg	: Ketibaan Tetamu Jemputan
3.30 ptg	: Ketibaan YBhg. Tuan Mohd 'Ashraf Mohd Noor Pengarah Institut Tanah dan Ukur Negara (INSTUN)
	: Ketibaan YBhg. Prof. Dato' Dr. Zakaria Kasa Naib Canselor Universiti Pendidikan Sultan Idris
	: Bacaan Doa
	: Ucapan YBhg. Prof. Dato' Dr. Zakaria Kasa Naib Canselor Universiti Pendidikan Sultan Idris
	: Tayangan Video Korporat UPSI
	: Ucapan YBhg. Tuan Mohd 'Ashraf Mohd Noor Pengarah Institut Tanah dan Ukur Negara (INSTUN)
	: Tayangan Video Korporat INSTUN
	: Upacara Menandatangani Memorandum Persefahaman
	: Penyampaian Cenderamata
4.45 ptg	: Jamuan
5.15 ptg	: Bersurai



Gambar : Bilik Mesyuarat diletakkan tagging bagi kedua-dua pihak



Gambar : Plak disediakan sebagai tanda penghargaan jalinan kerjasama

3.0 BIDANG KERJASAMA

Perjanjian MOU ini akan menyaksikan pelbagai bentuk kerjasama dalam bidang-bidang seperti berikut:

- a) Program latihan berkaitan tanah, ukur dan pemetaan;
- b) Program penyelidikan dan pembangunan berkaitan tanah, ukur dan pemetaan;
- c) Program penerbitan berkaitan tanah, ukur dan pemetaan;
- d) Pertukaran data dan maklumat berkaitan tanah, ukur dan pemetaan;
- e) Apa-apa bidang kerjasama lain berkaitan tanah, ukur dan pemetaan sebagaimana yang dipersetujui bersama oleh kedua-dua pihak.



Gambar : Y.Bhg Prof. Dato' Dr. Zakaria Kasa, Naib Canselor UPSI dan Pengarah INSTUN dalam sesi menandatangani MOU



Gambar : Naib Canselor UPSI dan Pengarah INSTUN bertukar dokumen MOU



Gambar : Naib Canselor UPSI menghadihkan plak penghargaan



Gambar : Pengarah INSTUN membalas juga dengan plak sebagai tanda penghargaan



Gambar : Pengarah INSTUN memberikan Naib Canselor UPSI gambar ortofoto Kampus Sultan Azlan Shah, UPSI yang diambil oleh Pasukan UAV INSTUN

4.0 KOS

Kos anjuran majlis ini ditanggung sepenuhnya oleh UPSI. Pihak INSTUN merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Pihak Pengurusan UPSI atas jasa baik yang diberikan.

5.0 PENUTUP

Majlis tersebut diakhiri dengan jamuan ringan yang disajikan oleh pihak UPSI. Walaupun dari segi sejarah penubuhan, pengalaman dan saiz organisasi, INSTUN bukanlah setaraf untuk dibandingkan dengan UPSI. Namun begitu, ia bukanlah penghalang untuk jalinan kerjasama ini kerana setiap organisasi mempunyai kelebihan dan kepakaran masing-masing dalam bidang tertentu. Semoga MOU ini dapat mewujudkan suatu “*win-win situation*” untuk kedua-dua pihak dan pihak INSTUN akan memberikan komitmen sepenuhnya bagi menjayakan segala perancangan aktiviti dan program sepanjang tempoh MoU ini berkuatkuasa.



Gambar : Naib Canselor UPSI bersama Pengarah INSTUN untuk jamuan ringan



Gambar : Pegawai UPSI berkenalan dan bertukar info dengan pegawai INSTUN semasa jamuan ringan

Disediakan oleh:

**Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan
INSTUN**

Tarikh : 20 Mei 2015